

3 JAN 1996

Jawatankuasa

SABAH TUBUH JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PEKERJA ASING

KOTA KINABALU, 3 Jan (Bernama) -- Sabah hari ini membentuk jawatankuasa kabinet untuk mengkaji cara bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing di negeri ini, kata Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee.

Jawatankuasa itu, diketuai oleh Menteri Pembangunan Sumber dan Usahawan Negeri Datuk Joseph Kurup, adalah bagi menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar dikurangkan pergantungan kepada pekerja asing, katanya kepada pemberita di sini.

Ahad lepas Dr Mahathir berkata kerajaan akan membenarkan pesara dan surirumah daripada kalangan wanita asing yang berkahwin dengan rakyat negara ini untuk bekerja bagi membendung pertambahan kemasukan pekerja asing.

Yong berkata anggota jawatankuasa itu termasuk Menteri Pembangunan Perindustrian Negeri Datuk Tham Nyip Shen dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Yahya Hussin, setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan di pelbagai kementerian.

"Kami menjangka jawatankuasa itu akan mengemukakan cadangannya dalam tiga bulan ini mengenai cara bagi mengurangkan pergantungan itu," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri di sini. -- BERNAMA